

TAHAP PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI
OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

NOOR HAFIZAH BINTI AMAT JANJI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2020

DEDIKASI

Ayahanda dan Bonda yang disayangi lagi disanjung
Tuan Haji Amat Janji bin Amat Sujeri
Allahyarhamah ibunda Hajjah Basiah binti Haji Masjudi

Suami tercinta
Ahmad Mahzan bin Bohari
serta anak-anak yang dikasihi
Muhammad Alif Rizqi bin Ahmad Mahzan
Nuha Nur Azzalea binti Ahmad Mahzan
Lisa Nur Azzalea binti Ahmad Mahzan

Kekanda dan Adinda yang dikasihi
Noor Jeehan binti Amat Janji
Muhammad Nurunnajmi bin Amat Janji

Pensyarah selaku penyelia yang dihormati lagi disanjung
Dr. Norhidayah binti Md. Yunus

Ketua Jabatan dan Pegawai Atasan, Pejabat Pembangunan Negeri Selangor,
ICU JPM yang sentiasa memahami

YBhg. Dato' Rosli bin Ramli
YBhg. Datuk Ruzain bin Idris
YBhg. Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman
Encik Huzunul Khaidil bin Mohammed
Encik Abd. Razak bin Maksud

Sahabat-sahabat seperjuangan Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) yang sentiasa diingati

Serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan Projek Sarjana ini.

Sokongan, galakan, pengorbanan dan titipan doa yang diberikan amat bermakna.

Tanpa kalian, pastinya perjalanan yang mencabar ini tidak dapat diharungi.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Selawat serta Salam kepada junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka saya dapat menyiapkan projek sarjana yang bertajuk '*Tahap Pencapaian Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Oleh Pihak Berkuasa Tempatan*' walaupun pelbagai cabaran dan dugaan terpaksa ditempuhi.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norhidayah binti Md. Yunus, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan sepanjang penghasilan projek sarjana ini. Segala pengorbanan dan tunjuk ajar yang dicurahkan serta masa yang telah diluahkan, akan saya kenang dan jadikan sebagai bekalan hidup di sepanjang kerjaya saya. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah (LAD) yang telah mendidik saya tanpa lelah dan jemu sehingga ke penghujungnya.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada kedua ibu bapa saya, suami tercinta dan adik beradik di atas pengorbanan, kasih sayang dan doa tanpa henti sebagai pemangkin semangat kepada saya untuk terus berjuang menamatkan pengajian ini dengan jayanya. Dengan iringan doa buat ibunda tersayang, Allahyarhamah Hajjah Basiah binti Haji Masjudi yang menjadi sumber kekuatan utama dan tulang belakang saya selama ini, semoga ibunda tenang dan damai di alam sana.

Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada Ketua Jabatan dan pegawai atasan, Pejabat Pembangunan Negeri Selangor, ICU JPM yang sentiasa memahami seterusnya sahabat-sahabat dan kenalan rapat yang juga menjadi sumber kekuatan saya dalam menyiapkan projek sarjana ini. Tidak lupa juga kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), khususnya Puan Majidah binti Md. Ali, Pegawai Pertanian di Jabatan Landskap seterusnya Puan Azlini Zuraida binti Endut, Penolong Pengarah Bahagian Pertanian di Jabatan Pertanian dan 16 Pengerusi Kebun Komuniti yang sudi meluahkan masa dan memberi sepenuh komitmen kepada saya dalam mendapatkan maklum balas bagi kajian ini.

ABSTRAK

Persaingan guna tanah di dalam bandar telah menyekat aktiviti pertanian untuk dibangunkan dan secara tidak langsung masyarakat di bandar perlu bergantung kepada sumber makanan atau produk pertanian dari kawasan luar bandar. Namun begitu, kewujudan tanah-tanah terbiar termasuk di kawasan bandar adalah amat membimbangkan. Program Kebun Komuniti adalah salah satu konsep di bawah Program pertanian Bandar yang amat popular di kebanyakan negara pada masa kini termasuk di Malaysia. Oleh itu, matlamat kajian ini adalah supaya terdapat satu garis panduan yang menyeluruh dan standard berkaitan pelaksanaan Program Kebun Komuniti kepada semua PBT sebagai satu program yang dapat memberi manfaat kepada komuniti melalui aktiviti bercucuk tanam, meningkatkan imej bandar melalui pengurusan ruang-ruang kosong dan terbiar dan ke arah pemeliharaan alam sekitar yang lestari. Ke arah itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan mengkaji tahap pencapaian pelaksanaan Program Kebun Komuniti dari perspektif komuniti. Pengkaji telah memilih kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebagai kajian kes kerana mempunyai penglibatan aktif dalam pelaksanaan Kebun Komuniti sejak tahun 2014. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif di mana data primer diperolehi menerusi temu bual semi struktur melibatkan 16 Pengerusi Kebun Komuniti dan dua pegawai daripada MBSA yang terlibat secara langsung dalam Pelaksanaan Program Kebun Komuniti. Selanjutnya, analisa deskriptif dilaksanakan terhadap dapatan temu bual tersebut. Berdasarkan penemuan kajian, pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh MBSA ini berjaya mencapai objektif dan matlamat asal penubuhannya seperti mengurangkan kawasan terbiar, mengurangkan kos perbelanjaan harian, menggalakkan interaksi sosial dan meningkatkan amalan kitar semula. Namun, terdapat dua matlamat tidak dapat dicapai iaitu dari segi meningkatkan penglibatan belia dalam aktiviti pertanian dan menambahkan pendapatan melalui jualan hasil. Berdasarkan penemuan tersebut, beberapa cadangan dikemukakan dan diharapkan kajian ini dapat membantu memberi input yang bermanfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan polisi Program Kebun Komuniti yang holistik dan efisien pada masa hadapan.

ABSTRACT

Land use competition in the urban area has hindered the development of agricultural activities and as an indirect effect the urban society has developed dependency towards food sources and agricultural product from the rural area. Despite of this fact, the existence of idle lands including in the urban area is quite alarming. Community Garden Program is one of the concept under the Urban Farming Program which currently popular among many nations including Malaysia. Therefore, the aim of this study is to provide a comprehensive and standardize guidelines related to Community Garden for all Local Authorities (LA), emphasizing Community Garden as a beneficial program towards community through cultivation activities, increase the image of the city by managing vacant and idle lot of land, and toward sustainable environment conservation. In relation to that goals, the objective of the study is to identify implementation method of Community Garden by LA and study the efficiency of its implementation from the community perspective. The researcher has chosen Shah Alam City Council (MBSA) area as a case study because of its active involvement in Community Garden implementation since the year of 2014. The study has been done using qualitative method whereas primary data were acquired via semi-structured interview involving 16 Community Garden chairman and two officers from MBSA who directly involved in the implementation of Community Garden Program. Subsequently, descriptive analysis was implemented to findings of the study. Based on the findings, the Community Garden Program implemented by MBSA had successfully achieved its objective in terms of reducing idle area, reducing daily spending cost, encouraging social interaction and increasing the practice of recycling. Nevertheless, there are two goals cannot be achieved which are increasing the youth involvement in agricultural activity and increasing participants income via sales of garden produce. In relation to the findings, several recommendation has been put forward and hopefully this study able to give beneficial input to all relevant parties in developing holistic and efficient Community Garden Program's policy in future.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	4
	1.3 Matlamat Kajian	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Skop Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	10
	1.6.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	11
	1.6.3 Masyarakat	11
	1.6.4 Ahli Akademik dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	12
	1.7 Metodologi Kajian	12
	1.7.1 Rekabentuk Kajian	12
	1.7.1.1 Peringkat I – Pengenalan Kajian	13
	1.7.1.2 Peringkat II - Kajian Teoritikal dan Literatur	14
	1.7.1.3 Peringkat III - Proses Pengumpulan Data	14

1.7.1.4	Peringkat IV - Analisis Data	19
1.7.1.5	Peringkat V - Kesimpulan dan Cadangan	21
1.8	Susunatur Bab	21
1.8.1	Bab 1 - Pendahuluan	22
1.8.2	Bab 2 – Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	22
1.8.3	Bab 3 – Kawasan Kajian	22
1.8.4	Bab 4 – Analisis Kajian dan Penemuan Kajian	23
1.8.5	Bab 5 - Kesimpulan dan Cadangan	23
BAB 2	PELAKSANAAN PROGRAM KEBUN KOMUNITI	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Definisi Kebun Komuniti	26
2.3	Konsep dan Kategori Kebun Komuniti	27
2.4	Manfaat Program Kebun Komuniti	30
2.4.1	Ekonomi	30
2.4.2	Sosial	32
2.4.3	Kesihatan	33
2.4.4	Alam Sekitar	35
2.5	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti di Luar Negara	36
2.5.1	Amerika Syarikat	36
2.5.2	United Kingdom	39
2.5.3	Singapura	42
2.6	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti di Malaysia	45
2.6.1	Skop Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	45
2.6.2	Garis Panduan dan Prosedur Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	46
2.6.3	Matlamat Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	49
2.6.4	Cabaran dan Halangan Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	51
2.7	Rumusan	52

BAB 3	KAWASAN KAJIAN	55
3.1	Pengenalan	55
3.2	Negeri Selangor Darul Ehsan	55
3.3	Daerah Petaling	57
3.4	Bandaraya Shah Alam	59
3.5	Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	62
	3.6 Rumusan	66
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Analisis Kajian	70
	4.2.1 Latar Belakang Responden	70
	4.2.2 Analisis Kaedah Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	72
	4.2.2.1 Matlamat Menyertai/ Melaksanakan Kebun Komuniti	73
	4.2.2.2 Keahlian Penyertaan Komuniti Dalam Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	74
	4.2.2.3 Tempoh Masa Mengusahakan Kebun Komuniti	75
	4.2.2.4 Jenis Tanaman Yang Diusahakan Di Atas Tanah Kebun Komuniti	75
	4.2.2.5 Halangan Yang Dihadapi Dalam Melaksanakan Program Kebun Komuniti	76
	4.2.2.6 Bantuan Yang Disalurkan Oleh Pihak Kerajaan Persekutuan/ Negeri Atau Agensi Berkaitan Dalam Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	78
	4.2.2.7 Prosedur Atau Garis Panduan Yang Jelas Terhadap Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	79
	4.2.3 Analisis Keberkesanaan Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	80

4.2.3.1	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dapat Menarik Minat Golongan Muda Terhadap Pertanian	81
4.2.3.2	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dapat Mengurangkan Kawasan Terbiar Agar Dapat Dimanfaatkan	82
4.2.3.3	Tempoh Masa Mengusahakan Kebun Komuniti	82
4.2.3.4	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat membantu menambah pendapatan melalui jualan hasil	83
4.2.3.5	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat menggalakkan interaksi sosial dan mempertingkatkan semangat kejiwaan komuniti setempat	84
4.2.3.6	Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat menggalakkan Amalan Kitar Semula	85
4.3	Rumusan	86
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	89
5.1	Pengenalan	89
5.2	Penemuan Kajian	89
5.2.1	Objektif Pertama: Mengenal Pasti Kaedah Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Oleh Pihak Berkuasa Tempatan	90
5.2.2	Objektif Kedua: Mengkaji Tahap Pencapaian Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Oleh Pihak Berkuasa Tempatan	91
5.3	Cadangan Kajian	94
5.3.1	Menyediakan Insentif Khas Bagi Menggalakkan Penyertaan Golongan Belia Dalam Program Kebun Komuniti	94
5.3.2	Kerjasama Dan Komitmen Yang Berterusan Antara Komuniti Dengan Pihak PBT	94

5.3.3 Keterlibatan Bersama Pihak Berkuasa Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Serta Agensi Berkaitan	95
5.3.4 Menambah Baik Garis Panduan dan Prosedur Sedia Ada Mengikut Situasi Semasa	96
5.4 Limitasi Kajian	96
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	97
5.6 Kesimpulan	98

RUJUKAN	101
----------------	------------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Jadual Perbandingan Jumlah Kebun Komuniti Beserta Keluasan	10
Jadual 1.2	Senarai Responden	15
Jadual 1.3	Ringkasan Struktur Topik Borang Temu Bual	19
Jadual 1.4	Ciri-Ciri Kajian Kualitatif	21
Jadual 2.1	Kategori Dan Jenis Pertanian Bandar Komersial	27
Jadual 2.2	Kategori Dan Jenis Pertanian Bandar Bukan Komersial	28
Jadual 2.3	Struktur Bayaran Sewa	41
Jadual 2.4	Senarai Kebun Komuniti London	41
Jadual 2.5	Senarai Kebun Komuniti Singapura	43
Jadual 2.6	Jenis Kebun Komuniti	44
Jadual 2.7	Data Projek Pertanian Bandar (Kebun Komuniti) Mengikut Negeri	50
Jadual 3.1	Pecahan Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Dan Jantina Di Negeri Selangor	57
Jadual 3.2	Jumlah Penduduk Mengikut Etnik Dan PBT Dalam Daerah Petaling, Negeri Selangor	58
Jadual 3.3	Jadual Perbandingan Jumlah Kebun Komuniti Beserta Keluasan	62
Jadual 3.4	Lokasi, Status Tanah Dan Keluasan Kebun Komuniti Oleh MBSA	63
Jadual 4.1	Kriteria Responden Mengikut Tempoh Pengalaman dalam Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dan Umur	71
Jadual 4.2	(B4) Jenis Tanaman Yang Diusahakan Oleh Pekebun Komuniti Di Kawasan MBSA	76
Jadual 4.3	(B5) Halangan Yang Dihadapi Oleh Para Peserta Program Kebun Komuniti Di Kawasan MBSA	77

Jadual 4.4	(B6) Bantuan Disalurkan Oleh Pihak Kerajaan Persekutuan/ Negeri Atau Agensi Berkaitan Dalam Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	78
Jadual 4.5	(B7) Prosedur Atau Garis Panduan Yang Jelas Terhadap Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	80
Jadual 4.6	(C1) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dapat Menarik Minat Golongan Muda Terhadap Pertanian	81
Jadual 4.7	(C1) Maklum Balas Responden Berhubung Faktor Kurangnya Penglibatan Golongan Muda Dalam Program Kebun Komuniti Di Kawasan MBSA	81
Jadual 4.8	(C2) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dapat Mengurangkan Kawasan Terbiar Agar Dapat Dimanfaatkan	82
Jadual 4.9	(C3) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti Dapat Mengurangkan Kos Perbelanjaan Harian	83
Jadual 4.10	(C4) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat membantu menambah pendapatan melalui jualan hasil	83
Jadual 4.11	(C5) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat menggalakkan interaksi sosial dan mempertingkatkan semangat kejiwaan komuniti setempat	85
Jadual 4.12	(C6) Pelaksanaan Program Kebun Komuniti dapat menggalakkan amalan kitar semula	85
Jadual 5.1	Ringkasan Penemuan Kajian terhadap tahap pencapaian Program Kebun Komuniti	92

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Hubung Kait Metodologi Dalam Kajian	13
Rajah 2.1	Susun Atur Kebun Kejiranan	48
Rajah 3.1	Peta Negeri Selangor Darul Ehsan	56
Rajah 3.2	Peta Daerah Petaling	59
Rajah 3.3	Peta Kedudukan Shah Alam	60
Rajah 3.4	Peta Lokaliti Daerah Shah Alam	61
Rajah 4.1	(B1) Kriteria Matlamat Menyertai/Melaksanakan Program Kebun Komuniti	73
Rajah 4.2	(B2) Keahlian Penyertaan Komuniti	74
Rajah 4.3	(B3) Tempoh Masa Mengusahakan Kebun Komuniti	75
Rajah 4.4	(B6) Jenis Bantuan Program Kebun Komuniti	79

SENARAI SINGKATAN

PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
JPBD	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
MBSA	-	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBPJ	-	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MPSJ	-	Majlis Perbandaran Subang Jaya
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
DPN	-	Dasar Pertanian Negara
UNDP	-	United Nations Development Programme
TNB	-	Tenaga Nasional Berhad
BMAS	-	Persatuan Perubatan Britain Scotland
ACGA	-	Persatuan Berkebun Komuniti Amerika
LCRC	-	Pusat Sumber Komuniti London
MOA	-	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
FAMA	-	Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan
MARDI	-	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
PKK	-	Program Kebun Komuniti
PKP	-	Perintah Kawal Pergerakan

SENARAI SIMBOL

- > - Lebih besar
- < - Lebih kecil

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Borang Temu Bual Pelaksanaan Program Kebun Komuniti	113
Lampiran B	Borang Permohonan Kebun Komuniti Shah Alam	120

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Tanah merupakan salah satu faktor pengeluaran yang menyumbang kepada ekonomi negara di samping faktor-faktor lain seperti buruh, modal dan keusahawanan. Populasi yang semakin meningkat menyebabkan kebergantungan manusia kepada tanah semakin kritikal. Ia telah menyebabkan persaingan untuk mendapatkan tanah di kalangan warga masyarakat memandangkan tanah dapat digunakan sebagai tapak kediaman dan sumber untuk menjana pendapatan (Jasni Sulong et. al, 2014).

Tanah juga adalah asas penting dalam pertanian bagi tujuan penanaman pelbagai tumbuhan sama ada tanaman makanan, tanaman industri atau tanaman bagi tujuan lain. Berdasarkan laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor pertanian adalah peneraju kedua ekonomi Malaysia yang menyumbang kepada 5.6% daripada RM341.7 billion Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara keseluruhannya bagi suku tahun pertama 2019. Ini menunjukkan pertumbuhan sektor pertanian semakin kukuh berbanding tiga suku tahun berturut-turut sebelumnya yang telah mencatatkan pertumbuhan negatif dalam KDNK.

Menurut Zurinah & Jalaludin (2017), kawasan tanah pertanian di sesebuah bandar telah terjejas akibat perkembangan guna tanah kesan daripada pertambahan penduduk yang pesat, peningkatan perbandaran, kenaikan taraf hidup dan mobiliti persendirian. Dalam usaha untuk mengoptimumkan penggunaan tanah dan mencapai produktiviti yang tinggi, kewujudan tanah pertanian terbiar telah membimbangkan banyak pihak. Ini kerana tanah pertanian telah menjadi sumber tanah yang terhad di Semenanjung Malaysia akibat perkembangan pesat oleh sektor bukan pertanian (Azima, 2007). Fenomena ini menyekat aktiviti pertanian untuk dibangunkan dan memberi kesan kepada pengeluaran hasil tanaman pertanian. Dengan mengambil kira

nilai tanah yang tinggi, aktiviti pertanian dianggap sebagai kos yang tidak efektif untuk dilaksanakan di bandar. Maka, secara tidak langsung masyarakat di bandar perlu bergantung kepada sumber makanan atau produk pertanian dari kawasan luar bandar. Ia susulan daripada peralihan atau penumpuan aktiviti pertanian ke kawasan luar bandar untuk mencapai tahap pengeluaran yang menguntungkan. Faktor peralihan atau penumpuan ini disokong oleh faktor-faktor lain seperti kawasan tanah pertanian yang luas, kos buruh yang rendah, iklim/cuaca yang sesuai dengan tanaman, serta profil tanah yang sesuai bagi aktiviti pertanian di luar bandar.

Malaysia memberi fokus keutamaan kepada sektor pertanian dalam hala tuju ekonomi Malaysia dan pada masa yang sama mengekalkan momentum pertumbuhan sektor perindustrian. Ia bukan sahaja bertujuan mengukuhkan asas ekonomi negara bahkan juga untuk meningkatkan daya beli dan menyediakan taraf hidup yang baik kepada rakyat menjelang tahun 2030 menerusi kemakmuran bersama yang akan dikongsi oleh semua rakyat. (Berita Harian, 2019).

Dasar Pertanian Negara (DPN), 1984 hingga 2010 merupakan transformasi kerajaan dalam meningkatkan pembangunan ekonomi negara membangunkan sektor pertanian dan meningkatkan kualiti makanan negara. Ia disusuli dengan Dasar Agromakanan Negara, 2011 hingga 2020 yang bermatlamatkan tiga objektif utama iaitu menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Permintaan makanan yang meningkat berbanding sumber makanan yang dihasilkan mengakibatkan komuniti bandar menghadapi kos sara hidup yang tinggi kerana kenaikan harga makanan (Mat & Majid 2015; Perbendaharaan Malaysia 2018; Rezai et al. 2014). Ianya merupakan cabaran kepada Negara bukan sahaja untuk membekalkan makanan yang mencukupi bahkan memastikan keselamatan makanan adalah terjamin. Sesebuah negara disifatkan mempunyai sekuriti makanan apabila individu, isi rumah atau semua rakyatnya boleh memperolehi makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat untuk hidup sihat dan aktif. Ia merangkumi empat dimensi

termasuklah ketersediaan, keboleh capaian, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan (Astro Awani, 2019).

Pertanian bandar atau kebun bandar semakin popular pada masa kini sebagai satu alternatif melaksanakan aktiviti pertanian di bandar. Pertanian bandar ditakrifkan sebagai aktiviti menghasil, memproses dan memasarkan makanan dan produk pertanian di dalam kawasan bandar dan pinggir bandar menggunakan kaedah pengeluaran intensif, menggunakan sumber asli dan sisa buangan bandar untuk menghasilkan kepelbagaian tanaman dan ternakan (UNDP, 1996).

Program Pertanian Bandar telah diperkenalkan secara rasminya di Malaysia pada tahun 2014 dan merupakan program yang membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan yang diperlukan melalui bimbingan Jabatan Pertanian. Pertanian bandar dilihat sebagai amalan lestari yang dapat memberi manfaat dari aspek sosial, ekonomi dan persekitaran bandar seperti mengurangkan 'ecological footprints' bandar, mengguna dan mengitar semula sisa bandar dan menjana peluang pekerjaan serta menyokong kepada keperluan makanan penduduk bandar. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melihat pengintegrasian pertanian dalam perancangan dan pembangunan perbandaran adalah penting untuk pembangunan mampan dari pelbagai aspek kehidupan dan keperluan kehidupan bandar termasuk bekalan bahan makanan, penghijauan persekitaran, pengurusan air dan bahan buangan bandar, pendidikan serta riadah (Jabatan Pertanian, 2020).

Menurut *Malaysia Population (2020)*, populasi penduduk di Malaysia mencecah sehingga 32,366 menjelang tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 1.30% berbanding tahun 2019. Peningkatan populasi penduduk yang semakin pesat ini menjadikan pertanian bandar sebagai alternatif bagi memenuhi keperluan makanan di samping menjadi medium dalam membasmi kemiskinan bandar. Pertanian bandar atau aktiviti berkebun bukan berasaskan keuntungan yang diamalkan di negara maju kini mendapat sambutan daripada masyarakat bandar di Malaysia kerana kepesatan perbandaran yang dialami mengakibatkan kesukaran mendapatkan bekalan bahan

makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan (Haliza Abdul Rahman, 2018).

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa penduduk di Selangor mencatatkan peningkatan populasi sebanyak 6.53 juta pada tahun 2019 berbanding 6.48 juta pada tahun 2018. Peningkatan populasi ini memberi kesan terhadap kesukaran mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan (mymetro, 2016). Ketidakselamatan makanan berlaku apabila keupayaan untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi tidak menentu, tidak dapat menjalani hidup sihat dan tidak mempunyai kepuasan terhadap makanan yang dimakan (Schroeder & Smaldone, 2015). Kekurangan makanan, kelaparan, kekurangan zat makanan adalah istilah yang berkait rapat dengan ketidakselamatan makanan (Norhasmah et al., 2010).

Berikutan penularan pandemik Covid 19 pada tahun ini, sempadan negara ditutup dan eksport disekat telah menyebabkan rantai bekalan makanan terganggu di semua negeri yang menimbulkan kebimbangan mengenai keselamatan makanan dan kebergantungan kepada makanan import. Krisis makanan ini menyebabkan harga menjadi sangat mahal (The Edge Market, 2020). Masyarakat turut terkesan dengan Perintah kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid 19 ini kerana kehilangan pekerjaan disebabkan tidak dapat keluar bekerja dan ekonomi negara juga tidak menentu yang menyebabkan beberapa syarikat terpaksa ditutup. Program Kebun Komuniti telah dibangunkan dan dianggap sebagai penyelamat kerana dapat membantu keluarga yang terjejas pendapatan bulanan sepanjang tempoh PKP dengan akses kepada makanan segar dan berkhasiat. (Edgeprop, 2020).

Menurut Farhanah et al. (2018), orang yang lebih tua terdedah kepada makanan yang tidak selamat. Berdasarkan kajian yang dijalankan terhadap keselamatan makanan dan faktor-faktor yang berkaitan di kalangan orang tua di Daerah Petaling, Selangor, hasil kajian mendapati sebanyak 19.5% responden yang terdiri daripada

orang tua berhadapan dengan makanan yang tidak selamat. Sebagai cadangan terhadap kajian tersebut, program sosial adalah digalakkan untuk meningkatkan status sosioekonomi dan keselamatan makanan kepada golongan yang tua. Program Kebun Komuniti boleh menjadi platform kepada jaringan keselamatan sosial khususnya warga tua. Walau bagaimanapun, program sosial berasaskan pertanian seperti Program Kebun Komuniti perlu diterajui oleh golongan belia sebagai pelapis pertanian bagi menggantikan generasi yang lebih tua. Golongan belia perlu menjadi penyumbang utama kepada keaktifan pertanian di kawasan tempat tinggal mereka (Norsida dan Azimi, 2007) dan membantu golongan tua untuk mendapatkan akses kepada makanan segar dan berkhasiat. Dalam kata lain, belia harus menjadi modal sosial yang aktif membantu golongan memerlukan di dalam masyarakat. Namun begitu, penglibatan golongan belia dalam pertanian masih rendah. Golongan yang terlibat dalam bidang pertanian di Malaysia pada hari ini secara puratanya adalah mereka yang sudah berusia 50 tahun dan ke atas. (Majlis Belia Malaysia, 2019).

Sehubungan itu, bagi mengelakkan risiko kebergantungan terhadap makanan import, krisis makanan dan akses kepada makanan segar dan berkhasiat, program-program berasaskan pertanian seperti Program Pertanian Bandar termasuklah Program Kebun Komuniti perlu dibangunkan sebagai persediaan menangani isu kesukaran mendapatkan bekalan makanan di masa akan datang. Tambahan pula, cabaran komuniti yang hidup di kawasan bandar berhadapan dengan isu peningkatan kos sara hidup yang tinggi, harga tanah yang mahal dan akses kepada tanah yang terhad. Melalui program berasaskan pertanian ini juga memberi akses kepada komuniti peluang untuk menghasilkan makanan melalui tanaman yang diusahakan sendiri di atas tanah yang diberi kebenaran oleh Pihak Berkuasa.

Selain itu, program ini juga dilihat mampu membantu menyelesaikan masalah berkaitan pemeliharaan alam sekitar kerana menggunakan kaedah pengkomposan sebagai bahan utama dalam pertanian organik. Di Malaysia, 45 peratus daripada keseluruhan komposisi sisa pepejal yang dibuang setiap hari terdiri daripada sisa makanan. Sisa makanan tersebut boleh dikitar semula untuk menghasilkan baja organik (Astro Awani, 2015). Menurut (Rohana et al. 2019), kajian yang dijalankan berkaitan komposisi sisa pepejal di kediaman rapid pembangunan sub urban di Puncak

Alam, Selangor mendapati kadar penghasilan sampah isi rumah adalah 1.0 kg perkapita sehari dengan anggaran setiap isi rumah menjana 2.5 kg sampah sehari. Komposisi sampah yang dihasilkan terdiri daripada 64% sisa organik, 24% sisa kitar semula yang terdiri daripada 8% kertas dan produk kertas, 3% kaca, 4% logam, 9% plastik, dan 11% bagi lain-lain kategori. Sisa organik mempunyai skor tertinggi dan boleh dikendalikan secara efisien dengan membuat pengkomposan dalam aktiviti bercucuk tanam.

PBT telah membangunkan Program Kebun Komuniti di bawah konsep pertanian bandar bagi kategori bukan komersial untuk menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan komuniti (Hudgson, 2011). Program ini memberi persekitaran baharu yang lebih kondusif kepada golongan petani bandar dalam sesebuah komuniti dengan adanya kebenaran dari PBT untuk menggunakan tanah, latihan serta pendidikan asas pertanian yang mampan, sokongan benih dan baja, pendedahan berkaitan amalan pertanian yang baik serta pertanian organik yang bagus untuk kesihatan. Selain itu melalui program ini juga dapat memupuk semangat kejiwaan dan amalan gaya hidup sihat di kalangan penduduk. Program kebun komuniti ini turut mensasarkan penglibatan golongan belia sebagai pendedahan awal kepada mereka untuk menimba ilmu dan pengalaman dalam bidang pertanian.

Program Kebun Komuniti dibangunkan di ruang-ruang kosong dan kawasan terbiar di dalam zon kawasan PBT khususnya di kawasan lapang dan rekreasi, zon penampakan, kawasan hijau dan rentis talian elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB). Melalui program ini secara tidak langsung dapat memanfaatkan ruang-ruang kosong dan kawasan terbiar di bawah zon pentadbiran PBT dan mengelakkan daripada disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Penyalahgunaan tanah ini memberi kesan buruk kepada Kerajaan Negeri apabila wujud konflik guna tanah dengan tanah persekitaran, menyukarkan perancangan guna tanah oleh PBT, menjejaskan imej bandar akibat aktiviti pertanian yang tidak teratur serta kehilangan hasil (*loss of rent capture*) akibat kelemahan pengurusan tanah-tanah terbiar. Ia juga menggambarkan ketidakcekapan sistem pentadbiran tanah dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa.

Di Negeri Selangor, PBT seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) telah menyambut baik cadangan pelaksanaan Program Kebun Komuniti melihat kepada manfaat pelaksanaan program tersebut terhadap kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor. Ia juga didorong oleh sokongan daripada Kerajaan Negeri Selangor yang telah memperuntukkan sebanyak RM500,000 bagi pelaksanaan program Kebun Komuniti pada suku pertama 2016 untuk membantu pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh PBT di Negeri Selangor (Selangor kini, 2015).

MBSA merupakan antara PBT terawal membangunkan Program Kebun Komuniti iaitu pada tahun 2014. Projek perintis Program Kebun Komuniti oleh MBSA adalah di Seksyen 8, Shah Alam yang terletak di hujung Jalan Jaluran 8/3 berkeluasan 2.4 ekar di bawah rintisan talian TNB. Kini MBSA telah membangunkan enam belas (16) tapak tanah berkeluasan 7.7 ekar dengan penyertaan komuniti seramai tiga ratus (300) orang penduduk setempat secara keseluruhannya meliputi kawasan zon penanaman, kawasan hijau, kawasan rekreasi dan rentis talian elektrik TNB (MBSA, 2020).

Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi menjawab persoalan kajian iaitu apakah kaedah pelaksanaan program kebun komuniti oleh Pihak Berkuasa Tempatan? dan apakah tahap pencapaian Program Kebun Komuniti yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan? Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji kaedah pelaksanaan yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menilai tahap penerimaan komuniti terhadap program dan tahap pencapaian pelaksanaan Program Kebun Komuniti dari perspektif komuniti.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah supaya terdapat satu garis panduan yang menyeluruh dan standard berkaitan pelaksanaan Program Kebun Komuniti kepada semua PBT sebagai satu program yang dapat memberi manfaat kepada komuniti

melalui aktiviti bercucuk tanam, meningkatkan imej bandar melalui pengurusan ruang-ruang kosong dan terbiar dan ke arah pemeliharaan alam sekitar yang lestari.

1.4 Objektif Kajian

Ke arah mencapai matlamat kajian ini, objektif kajian yang lebih khusus telah ditentukan seperti berikut:-

- i. Mengenal pasti kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- ii. Mengkaji tahap pencapaian pelaksanaan Program Kebun Komuniti dari perspektif komuniti.

1.5 Skop Kajian

Terdapat beberapa kajian yang telah dibuat terdahulu mengenai pertanian bandar dan kebun komuniti. Kajian-kajian tersebut dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk membantu pengkaji mengenal pasti topik-topik yang tidak lagi disentuh dan diperjelaskan secara terperinci untuk dijadikan tajuk kajian. Melalui cara ini, ia dapat mengelakkan pertindihan skop atau tajuk yang sama yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu.

Hasil semakan ke atas rujukan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang menyentuh berkaitan pertanian bandar dan kebun komuniti di Malaysia. Beberapa sumber rujukan telah dirujuk sebagai contoh kajian oleh Haliza Abdul Rahman (2018) yang mengkaji mengenai amalan dan kepentingan pertanian bandar di Malaysia. Zaidi Tajudin et al. (2019) pula mengkaji mengenai penentu sosial penglibatan komuniti dalam Projek Kebun Komuniti Bandar. Selain itu, Leelanayagi et al. (2018) mengkaji mengenai kepuasan peserta dalam Program Kebun Komuniti di

sekitar Klang Valley manakala Norul Hafizah et al. (2019) mengkaji peranan komuniti terhadap aktiviti pertanian bandar.

Walaupun bagaimanapun, amat sedikit kajian mengenai pertanian bandar khususnya berkaitan Kebun Komuniti yang telah dijalankan di Malaysia berbanding kajian yang telah dilaksanakan di luar negara. Antara kajian luar negara yang dirujuk adalah *The Modern Community Garden Movement in the United States* oleh Joshua Birky (2009), *The Social Impact of Community Gardens In The Greater Cleveland Area* oleh Andrew Flachs (2010), *The Case for Community Garden, Strong Town* oleh Scott Jenkins (2018), *Urban Community Gardens as Multimodal Social Spaces* oleh Jeffrey Hou (2017), *The Work of Community Garden* oleh Andrew et al. (2017) dan pelbagai lagi sumber rujukan. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada pengenalan kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh PBT di Malaysia dan penerimaan responden-responden yang terdiri daripada kalangan komuniti setempat terhadap pelaksanaan program.

Kajian ini akan memberi fokus kepada pelaksanaan Program Kebun Komuniti di sekitar Shah Alam di bawah zon kawasan seliaan MBSA. Faktor pemilihan kawasan kajian ini mengambil kira kedudukan MBSA sebagai PBT bertaraf bandaraya dan juga Ibu Negeri Selangor di mana ia menjadi tumpuan konurbasi penempatan penduduk dengan jumlah penduduk seramai 443,222 orang. Selain itu, semakan juga telah dibuat dengan pegawai di Jabatan Landskap, PBT di bawah daerah Petaling yang lain iaitu MBPJ dan MPSJ. MBSA mempunyai keluasan kebun komuniti yang lebih besar iaitu 7.7 ekar berbanding MBPJ dan MPSJ. Jadual perbandingan jumlah dan keluasan kebun komuniti antara MBSA, MBPJ dan MPSJ adalah seperti Jadual 1.1 berikut:-

Jadual 1.1 Jadual Perbandingan Jumlah Kebun Komuniti Beserta Keluasan

PBT	JUMLAH KEBUN KOMUNITI 2019 (AKTIF)	KELUASAN
MBSA	16	7.7 Ekar
MBPJ	14	5.0 Ekar
MPSJ	35	1.0 Ekar

Sumber: PBT Negeri Selangor (2020)

Responden yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada belas (16) orang pengerusi bagi setiap kebun komuniti yang telah dibangunkan oleh MBSA. Pemilihan di kalangan pengerusi kerana mereka terlibat secara langsung dalam mengusahakan dan memastikan kawasan kebun komuniti di kawasan masing-masing diselenggara dengan baik serta dapat menghasilkan pulangan dan manfaat kepada setiap ahlinya. Selain itu, responden juga terdiri daripada dua (2) orang pegawai MBSA daripada Jabatan Landskap bagi mendapatkan kesahan terhadap apa yang dinyatakan oleh pengerusi kebun komuniti.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan akan menjadi panduan kepada pelbagai pihak seperti berikut:-

1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

PBN diharap dapat memahami dan menjadikan kajian ini sebagai panduan dan asas penambahbaikan kepada kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti sedia ada. Hasil kajian ini diharap dapat membantu memberi input yang berguna kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam menghasilkan satu garis panduan yang standard kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai sumber rujukan dan panduan

terhadap pelaksanaan program. Melalui cara ini, semua PBT dapat melaksanakan Program Kebun Komuniti dengan lebih efektif dan sistematik berdasarkan garis panduan yang akan diwujudkan dalam memastikan manfaat diterima oleh PBN, PBT mahupun masyarakat setempat. Ia juga sebagai salah satu medium kawalan terhadap pembangunan guna tanah terancang yang akan meningkatkan imej Negeri Selangor terhadap pengurusan dan pembangunan tanah lestari.

1.6.2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Kajian ini diharap dapat membantu PBT dalam memastikan program yang dibangunkan berasaskan pertanian mencapai matlamat dan objektif penubuhan program ke arah kehidupan komuniti yang lebih berkualiti melalui output makanan berasaskan tanaman. Ini akan melihat kepada pelaksanaan dan program yang dijalankan dan penerimaan komuniti terhadap program. Melalui kajian ini, peluang-peluang penambahbaikan terhadap kelemahan program boleh dibuat.

1.6.3 Masyarakat

Kajian yang dijalankan ini akan memberi pendedahan kepada masyarakat berhubung tahap pencapaian Program Kebun Komuniti yang dilaksanakan oleh PBT di Negeri Selangor. Dengan adanya kajian ini, masyarakat bandar yang belum terlibat dengan pertanian bandar dapat mengkaji kaedah pertanian bandar yang berstruktur melalui Program Kebun Komuniti. Program ini merupakan satu alternatif oleh pihak PBT yang berupaya menggalakkan penglibatan masyarakat dalam sesebuah komuniti untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam dalam kawasan perbandaran yang terhad. Selain dapat membantu menjimatkan kos sara hidup yang tinggi dan bekalan makanan yang lebih selamat, program ini turut dapat menggalakkan interaksi sosial dan memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti berkumpulan berasaskan pertanian kepada masyarakat.

1.6.4 Ahli Akademik dan Pelajar Institut Pengajian Tinggi


Hasil kajian ini berperanan sebagai sumber rujukan bagi penyelidikan-penyelidikan lanjutan yang lebih komprehensif oleh Ahli-ahli Akademik terhadap program-program yang dibangunkan berasaskan pertanian. Ia juga diharap dapat memberi manfaat kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi dalam membantu pencarian maklumat berkaitan tajuk kajian.

1.7 Metodologi Kajian

Menurut Cohen dan Manion (1996), metodologi ditakrifkan sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data. Metodologi kajian adalah penting kerana ia merupakan kaedah dan teknik dalam mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data bagi menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian yang dilaksanakan. Melalui metodologi kajian, ia turut dapat membantu memahami dengan lebih terperinci berhubung pengaplikasian kaedah dengan melaksanakan huraian terhadap proses kajian.

1.7.1 Reka bentuk Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan lima (5) peringkat utama seperti Rajah 1.1 berikut:-



Rajah 1.1 Hubung Kait Metodologi Dalam Kajian

1.7.1.1 Peringkat I : Pengenalan Kajian

Pada peringkat ini, pengkaji menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian terhadap tajuk yang dipilih merangkumi penyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan metodologi kajian bagi menggambarkan dengan lebih terperinci terhadap matlamat kajian yang ingin dilaksanakan. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menilai penerimaan responden-responden terhadap tahap pencapaian pelaksanaan Program

Kebun Komuniti yang dilaksanakan oleh PBT. Oleh itu, kajian secara kualitatif telah digunapakai dalam pelaksanaan kajian ini. Menurut Lexy (2007), pendekatan kualitatif ialah prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati.

1.7.1.2 Peringkat II : Kajian Teoritikal dan Literatur

Pada peringkat kedua ini, tumpuan diberikan kepada pengumpulan seberapa banyak maklumat dan data yang boleh diperolehi daripada kajian-kajian lepas oleh pengkaji terdahulu sebagai sumber yang boleh menyokong kepada penyataan masalah dalam kajian yang dilaksanakan. Antara yang terkandung di dalam peringkat ini adalah berkaitan dengan definisi, kaedah dan konsep yang diguna pakai di dalam pelaksanaan Program Kebun Komuniti dengan merujuk kepada beberapa kajian lepas bagi menguatkan kajian ini. Antara sumber yang dirujuk adalah melalui sumber sekunder bercetak seperti jurnal, buku, surat khabar dan lain-lain.

1.7.1.3 Peringkat III :Proses Pengumpulan Data

Pada peringkat ketiga ini, pengumpulan data adalah berasaskan kepada data primer dan data skunder. Secara umumnya, data primer adalah data yang diperolehi melalui kajian di lapangan manakala data skunder diperolehi melalui sumber-sumber bahan bacaan bercetak dan bacaan secara atas talian.

a. Data Primer

Menurut Sabitha Marican (2005), data primer adalah merupakan data asal yang dikumpul secara khusus untuk menjawab kepada persoalan kajian. Sumber-sumber maklumat bagi mendapatkan data primer kebiasaannya dikumpul melalui eksperimen atau kajian di lapangan seperti melalui kaedah soal selidik, pemerhatian dan temu bual.

Menurut Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009), temu bual merupakan soal selidik atau teknik yang digunakan untuk mendapatkan data secara lisan yang melibatkan interaksi bersemuka (*face-to-face*) atau melalui percakapan telefon antara penyelidik dengan orang yang ditemu bual (responden). Melalui temu bual, penemu bual boleh menerangkan dengan jelas dan terperinci tujuan kajian dan jenis maklumat yang diperlukan dan maklumat temu bual direkod secara bertulis atau melalui rakaman video. Ia perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan keadaan sebenar mengenai suatu fenomena (Denzin, 2001). Dalam data primer, beberapa elemen penting yang diberi fokus adalah seperti berikut:-

i. Pemilihan Sampel Kajian

Menurut Chuan Yan Piaw (2014), persampelan bermaksud pemilihan sampel sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Pemilihan sampel hendaklah tepat dan bersesuaian untuk membantu menjawab objektif dan persoalan kajian. Dalam kajian ini, responden yang dipilih adalah di kalangan responden yang terlibat secara langsung dengan Program Kebun Komuniti yang terdiri daripada Pengerusi Kebun Komuniti dan pihak penggubal dasar iaitu pegawai yang bertugas di MBSA. Senarai responden yang akan ditemu bual adalah seperti Jadual 1.2:-

Jadual 1.2 Senarai Responden

Kod	Jawatan	Jabatan/Agensi
R1	Pegawai Pertanian Jabatan Landskap	Majlis Bandaraya Shah Alam
R2	Penolong Pegawai Pertanian Jabatan Landskap	
R3	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 6, Jalan Tiong 6/1E	Pengerusi Kebun Komuniti
R4	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 6, Jalan Rajawali	
R5	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 7, Jalan Jasper 7/15	

R6	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 8, Jalan Jaluran 8/3	
R7	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 17, Flat PKNS, Jalan Selar 7/26	
R8	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 17, Jalan Mat Raji, Padang Jawa	
R9	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 18, Jalan Rotan Saga 18/26	
R10	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 19, Jalan Pedati Satu 19/13A	
R11	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 20, Jalan Tuntung Satu 20/11A	
R12	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 24, Jalan Kangkung Puteri 24/7	
R13	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 27, Flat Proton	
R14	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen 27, Jalan 27/80	
R15	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen U5, Jalan Nova U5/60	
R16	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen U5, Jalan Astroid U5/30A	
R17	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen U12, Jalan Selasih U12/13	
R18	Pengerusi Kebun Komuniti Seksyen U16, Pangsapuri Melati	

Sumber: Kajian Pengkaji (2020)

ii. Kaedah Temu bual

Temu bual dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur. Penjelasan bagi ketiga-tiga jenis temu bual ini dijelaskan oleh Chua Yan Piaw (2014) seperti berikut:

a. Temu bual berstruktur

Temu bual ini dilaksanakan secara formal dengan perancangan yang teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang dibentuk berdasarkan objektif kajian dan soalan perlu dijawab secara lisan oleh responden. Bagi mengelakkan data yang diperolehi tersasar daripada objektif kajian, soalan hanya perlu disediakan dalam bilangan yang sedikit sahaja. Selain itu, soalan yang dikemukakan tidak memerlukan penjelasan dari responden dan tiada soalan tambahan diperlukan.

b. Temu bual semi struktur

Temu bual semi struktur dilakukan secara separa formal di mana soalan yang dibentuk adalah dalam susunan yang lebih fleksibel dan boleh diubahsuai mengikut keperluan. Pengkaji boleh memberi penjelasan dengan memberikan penerangan tambahan dan menggunakan aras bahasa yang sesuai dengan responden yang terlibat. Dalam hal ini, pengkaji diberi kebebasan untuk menyoal dengan lebih mendalam berkaitan jawapan responden yang telah ditanya secara formal.

c. Temu bual tidak berstruktur

Temu bual ini merupakan temu bual yang dilaksanakan secara tidak formal dan soalan adalah dalam bentuk deraf yang disusun tidak mengikut urutan soalan. Penemubual juga boleh menyoal serta membuat penjelasan dan mengubahsuai soalan mengikut keperluan.

Dalam kajian ini, temu bual jenis semi struktur digunakan sebagai kaedah mengumpul maklumat utama kajian ini. Menerusi temu bual semi struktur, satu

penerangan yang lebih fleksibel dari semua responden dapat dikumpulkan bagi setiap soalan yang dikemukakan. Ini termasuklah dengan memberikan penjelasan yang jelas bagi sesuatu soalan yang diajukan dengan penggunaan bahasa yang lebih mudah difahami. Selain itu, responden dan penemubual tidak hanya terhad kepada soalan yang telah dibentuk dan kedua-dua pihak boleh menanya dan memberikan penjelasan tambahan.

Borang temu bual yang disediakan merangkumi beberapa bahagian dan pengkaji telah mengelaskan soalan temu bual tersebut berdasarkan tajuk soalan pada setiap bahagian. Secara keseluruhannya, soalan temu bual yang disediakan terbahagi kepada tiga (3) bahagian.

Bahagian A merupakan maklumat asas mengenai responden seperti nama, umur, jawatan, tempat bertugas dan tempoh pengalaman dalam pelaksanaan Program Kebun Komuniti. Maklumat ini diperlukan untuk memastikan responden yang dipilih mempunyai pengetahuan yang mendalam dan mempunyai matlamat yang tepat tentang isu yang dikaji.

Bahagian B adalah berkaitan soalan-soalan yang dirangka bagi menjawab dan memenuhi objektif kajian pertama iaitu berkaitan kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti.

Bahagian C pula adalah berkaitan soalan-soalan yang dirangka bagi menjawab dan memenuhi objektif kajian kedua iaitu tahap pencapaian pelaksanaan Program Kebun Komuniti berdasarkan penetapan matlamat dan objektif Program Kebun Komuniti oleh MBSA.

Bahagian D merangkumi ulasan dan pandangan mengenai pelaksanaan Kebun Komuniti sedia ada bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.

Jadual 1.3 Ringkasan Struktur Topik Borang Temu Bual

Bahagian	Struktur Topik
A	Latar Belakang Responden
B	Kaedah Pelaksanaan Program Kebun Komuniti
C	Tahap Pencapaian Pelaksanaan Program Kebun Komuniti
D	Cadangan Dan Penambahbaikan

Sumber: Olahan Pengkaji (2020)

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah temu bual bagi mengumpul maklumat dan data yang diperlukan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Sesi temu bual ini dilaksanakan pada masa yang berlainan dan sesi yang berasingan antara responden kerana bergantung kepada kesesuaian masa dan keselesaan responden yang di pilih.

b. Data Sekunder

Data skunder merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain yang diperolehi daripada sumber-sumber luaran seperti surat khabar, majalah, jurnal, artikel, buku, dan sebagainya. Ia merupakan data yang telah tersedia dan hanya memerlukan proses pencarian dan pengumpulan. Diantara kelebihan menggunakan data skunder adalah ia boleh dijadikan perbandingan dengan data terdahulu, murah disebabkan penjimatan masa dan kos dalam mendapatkan maklumat dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan oleh pengkaji terdahulu adalah lebih tinggi.

1.7.1.4 Peringkat IV : Menganalisis Data

Pada peringkat ini, ia merupakan proses menganalisis data, mengkaji dan menginterpretasikan hasil dapatan kajian apabila peringkat pengutipan data telah selesai dilakukan. Penganalisisan data ini dilakukan secara berterusan sepanjang

proses penyelidikan dijalankan. Secara keseluruhannya, proses penganalisan data ini merangkumi tiga (3) turutan aktiviti iaitu panyaringan data, persembahan data dan penulisan kesimpulan. Analisis ini dilakukan bertujuan untuk mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti kaedah pelaksanaan Program Kebun Komuniti dan mengkaji tahap pencapaian pelaksanaan Program Kebun Komuniti oleh PBT.

Teknik penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis deskriptif di mana sumber maklumat yang diperolehi melalui data primer dihurai dan diterangkan dalam bentuk jadual, grafik, rajah dan sebagainya. Teknik sebegini lebih dominan untuk digunakan mengambil kira bahawa soalan-soalan yang dirangka lebih berbentuk kepada semi struktur. Jawapan yang diberikan diolah dan dirumus supaya dapat menjawab persoalan-persoalan kajian dan seterusnya mencapai objektif kajian yang ditetapkan.

Reka bentuk kajian kualitatif dipilih dalam melaksanakan kajian ini bagi menganalisis data primer yang dikumpul. Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk melaksanakan kajian secara kualitatif. Kaedah kualitatif dipilih kerana ia boleh menerangkan peristiwa secara holistik dalam keadaan yang sebenar tanpa timbulnya sebarang manipulasi pada data yang diperolehi. Menurut Silverman (2006), kaedah kualitatif merupakan kaedah yang sesuai digunakan di dalam situasi di mana pengkaji memerlukan maklumat mengenai pengalaman responden, pengkaji tidak bertujuan untuk membuat sebarang pernyataan secara statistik dan terdapat keadaan di mana sesuatu isu tidak dapat diukur jika menggunakan kaedah kuantitatif. Menurut Azwita Usman (2010), ciri-ciri kajian kualitatif adalah seperti berikut:-

Jadual 1.4 Ciri-Ciri Kajian Kualitatif

Perkara	Kualitatif
Bentuk Data	Pengumpulan data adalah berbentuk perkataan atau ayat yang diperolehi melalui kaedah temu bual atau direkod menggunakan audio video atau gambar.
Instrumen Kajian	Pengkaji merupakan instrumen utama untuk memungut data daripada pihak responden. Pengkaji perlu memberi sepenuh perhatian dengan mendengar dan memerhati sendiri terhadap perkara dan situasi yang hendak dikaji.
Reka bentuk kajian	Reka bentuk kajian bersifat fleksibel dan ianya boleh diubahsuai berdasarkan kepada keadaan dan keperluan situasi.
Responden	Maklumat kajian diperolehi secara langsung daripada pihak responden yang dipilih. Responden hendaklah terdiri daripada pihak yang layak dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan.
Metodologi kajian	Saiz sampel adalah lebih kecil dan dipilih secara bertujuan serta tidak berasaskan kebarangkalian. Ini bagi memastikan ketepatan data diperolehi.

Sumber: Kajian Pengkaji (2020)

1.7.1.5 Peringkat V : Kesimpulan dan Cadangan

Pada peringkat akhir ini, pengkaji merumuskan hasil kajian secara keseluruhan berdasarkan hasil analisis data yang diperolehi. Penilaian analisis terhadap data primer dan data skunder akan dibincangkan dengan lebih terperinci bagi memastikan matlamat dan objektif kajian tercapai.

1.8 Susun Atur Bab

Secara keseluruhannya, struktur kajian ini disusun secara teratur dan sistematik melalui lima (5) bab yang merangkumi peringkat awalan kajian, hasil analisa kajian dan kesimpulan. Ia menerangkan setiap bab mempunyai perkaitan dan kesinambungan

yang dapat menggambarkan keseluruhan kajian dengan lebih jelas dan mudah difahami.

1.8.1 Bab 1 : Pendahuluan

Bab 1 ialah pengenalan kepada kajian yang menerangkan berkaitan latar belakang dan pernyataan masalah, matlamat dan objektif kajian yang hendak dicapai dan kepentingan kajian kepada pihak-pihak berkepentingan. Selain itu, metodologi kajian juga dibincangkan sebagai sebahagian daripada keperluan yang memainkan peranan penting dalam menyempurnakan kajian.

1.8.2 Bab 2 : Pelaksanaan Program Kebun Komuniti

Di dalam bab 2, kajian literatur digunakan sebagai penerangan secara teoritikal terhadap kajian yang dilaksanakan. Kajian literatur merupakan asas yang sangat penting kepada pengkaji sebagai garis panduan dan sumber rujukan yang tepat dan jelas dalam melaksanakan kajian. Bab ini akan menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan pelaksanaan Program Kebun Komuniti merangkumi definisi, konsep dan kategori kebun komuniti, manfaat Program Kebun Komuniti dari sudut ekonomi, sosial, kesihatan dan alam sekitar serta perkembangan Program Kebun Komuniti di Malaysia. Selain itu, ia turut menerangkan berkaitan pelaksanaan Program Kebun Komuniti di dalam dan luar negara supaya skop kajian dapat diketahui dengan lebih luas dan mendalam.

1.8.3 Bab 3 : Kawasan Kajian

Bab 3 menerangkan berkaitan kawasan kajian yang dipilih sebagai kajian. Di dalam kajian ini, lokasi yang terlibat adalah di sekitar Bandaraya Shah Alam.

Responden yang terlibat adalah terdiri daripada dua orang pegawai daripada MBSA dan enam belas orang Pengerusi Kebun Komuniti.

1.8.4 Bab 4 : Analisis Kajian dan Penemuan Kajian

Bab 4 merupakan huraian analisis terhadap maklum balas yang diperolehi daripada responden secara terperinci. Pengkaji menganalisis data-data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif iaitu secara temu bual dan pemerhatian terhadap responden yang dipilih.

1.8.5 Bab 5 : Kesimpulan dan Cadangan

Bab 5 adalah bab terakhir yang merupakan ringkasan keseluruhan kajian merangkumi rumusan pencapaian objektif kajian dan cadangan-cadangan kajian yang telah dijalankan. Ia turut menjelaskan limitasi kajian terhadap masalah-masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian. Melalui ringkasan keseluruhan kajian ini memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh terhadap tajuk kajian yang dijalankan.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long (2009). Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Seksyen 5(1). Peranan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
- Alaimo, K., Packnett, E., Miles, R. A., & Kruger, D. J. (2008). Fruit And Vegetable Intake Among Urban Community Gardeners. *Journal Nutritional Education And Behaviour*, 40, 94–101.
- Altunkasa, M. Faruk, Uslu, Cengiz (2004). The Effects of Urban Green Spaces on House Prices in the Upper Northwest Urban Development Area of Adana (Turkey). *Turkish Journal of Agriculture & Forestry*; 2004, Vol. 28 Issue 3, pp. 203-209.
- American Community Gardening Association (2020). Diakses daripada <https://www.communitygarden.org/resources/e57c1da7-b7e9-4a4b-89a4-e7481f7a19ab>
- Andrew Cumbers, Deirdre Shaw, John Crossan, Robert McMaster (2017). *The Work of Community Gardens: Reclaiming Place for Community in the City*. University of Glasgow, UK.
- Andrew Flachs (2010). *Food for Thought: The Social Impact of Community Gardens in the Greater Cleveland Area*. Oberlin College, Ohio, USA.
- Armstrong, D. (2000). A Survey Of Community Gardens In Upstate New York: Implications For Health Promotion And Community Development. *Health and Place*, 6, 319–327.
- Astro Awani Online (15 November 2019). Di mana Sekuriti Makanan Negara. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/di-mana-sekuriti-makanan-negara>.
- Astro Awani Online (24 Jun 2015). Penghasilan Baja Kompos Daripada Sisa Makanan Di Rumah. Diakses pada 15 Julai 2020 daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/penghasilan-baja-kompos-daripada-sisa-makanan-di-rumah-63571>

- Azima Abdul Manaf (2007). Keupayaan Pendekatan Institusi Dalam Menghurai Punca-Punca Tanah Pertanian Terbiar Di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Razak. 2010. Profil Pandangan Lepas Siswazah Menceburi Bidang Keusahawanan Pertanian. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azwita Usman (2010). Kajian Kuantitatif, Kualitatif Dan Gabungan.
- Baldwin, K., Beth, D., Bradley, L., Dave, N., Jakes, S. & Nelson, N. (2009). Eat Smart, Move More North Carolina: Growing Communities Through Gardens. Diakses daripada <https://www.eatsmartmovemorenc.com/Gardens/Texts/ESMMGardens-LoRez.pdf>.
- Berita Harian Online (2 Mei 2019). MOA harap lebih ramai belia ceburi bidang pertanian. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://selangorkini.my/2020/01/moa-harap-lebih-ramai-belia-ceburi-bidang-pertanian>
- Berita Harian Online (27 September 2019). Malaysia Tumpu Sektor Pertanian. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611429/malaysia-tumpu-sektor-pertanian>.
- Christine M. Porter, Triple-rigorous Storytelling, Journal of Agriculture, Food Systems, and Community Development: Vol 8 No A (2018): Special Issue 1: Food Dignity.
- Chua Yan Piaw, (2014). Kaedah Penyelidikan (3rd ed.). Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd. hlm.,139 -140.
- Community of Garden (2020). Grown from the Past: A Short History of Community Gardening in the United States. Diakses daripada <https://communityofgardens.si.edu/exhibits/show/historycommunitygardens/vacantlot>.
- David McVey, Robert Nash & Paul Stansbie (2017). The motivations and experiences of community garden participants in Edinburgh, Scotland, Regional Studies, Regional Science, 5:1, 40-56, DOI: 10.1080/21681376.2017.1409650.

- David Silverman (2006). *Interpreting Qualitative Data: Methods for Analysing Talk, Text and Interaction* (Third edition). *Forum Qualitative Sozialforschung / Forum: Qualitative Social Research*, 9(1), Art. 16. Diakses daripada <http://nbn-resolving.de/urn:nbn:de:0114-fqs0801160>.
- Denzin, N.K. (2001). *Handbook of qualitative reseach* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications Ltd.
- Dr. Hajjah Norsida Man dan Prof. Dr. Haji Azimi Hamzah (2007). *Keperluan Program Pendidikan Pertanian Di Kalangan Beliatani Di Kawasan Luar Bandar*. Universiti Pertanian Malaysia.
- Edgeprop (22 April 2020). *Community Garden Provides Vulnerable Groups With Fresh Produce During MCO*. Diakses pada 15 Julai 2020 daripada <https://www.edgeprop.my/content/1674538/community-garden-provides-vulnerable-groups-fresh-produce-during-mco>
- Fatimah Hassan dan Muhamad Shahizi Baharom (2019). *Program Pertanian Kebun Komuniti*. Diakses daripada <https://fliphtml5.com/idgj/qeco/basic/51-100>.
- Feenstra, G. McGrew, S., and Campbell, D. (1999). *Entrepreneurial Community Garden : Growing Food, Skills, Jobs and Communities*. University of California, Agriculture and Natural Resources.
- Glover, T. D., Parry, D. C., & Shinew, K. J. (2005). *Building Relationships, Accessing Resources: Mobilizing Social Capital in Community Garden Contexts*. *Journal of Leisure Research*, 37(4), 450–474.
- Groenewegen, P., van den Berg, A., de Vries, S., & Verheij, R. (2006). *Vitamin G: Effects Of Green Space On Health, Well Being, And Social Safety*. *BMC Public Health*, 6(149).
- Guptill, Amy (2017) .*Food and Society*. Polity.
- Haliza Abdul Rahman (2018). *Amalan Kepentingan Pertanian Bandar di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.
- Harian Metro Online (10 Julai 2017). *Besarnya Manfaat Sayur, Buah*. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <http://api.hmetro.com.my/hati/2017/07/243563/besarnya-manfaat-sayur-buah>.
- Harian Metro Online (16 Ogos 2016). *Pertanian Bandar Diperkasa*. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/node/159482>.

- Harian Metro Online (24 Februari 2019). Berkebun di tengah bandar raya. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/02/426560/berkebun-di-tengah-bandar-roya>.
- Hartsfield, K. & Henderson, B.R. (2009). Is Getting Into the Community Garden Business a Good Way to Engage Citizens in Local Government? *National Civic Review* 98: 12-17. <http://dx.doi.org/10.1002/ncr.271> Jobb, J. *The Complete Book of Community Gardening*.
- Herod, M. (2012). *Cultivating Community: Connecting Community Gardens And Crime Prevention*. Diakses daripada <https://uwaterloo.ca/environment-resourcestudies/sites/ca.environment>.
- Holland, L. (2004). Diversity and connections in community gardens: A contribution to local sustainability. *The International Journal of Justice and Sustainability*, 9(3), 285–305.
- Hudgson, K. (2011). *Investing Healthy, Sustainable Places Through Urban Agriculture: A Sixteen City Survey Of Urban Agriculture Practices Across The Country*. Turner Environmental Law Clinic at Emory Law School, Atlanta, USA.
- IDRC/UN-HABITAT. (2003). *Guidelines for Municipal Policymaking on Urban Agriculture*. *Urban Agriculture: Land Management and Physical Planning* 1(3).
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2020). *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia* 1 Disember 2008:99-114.
- Irwin, Elena, G. (2002). The Effects of Open Space on Residential Property Values. *Land Economics*, Vol. 78, No. 4 (Nov., 2002), pp. 465-480
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2012). *Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau*. Diakses daripada <https://rehdasejangor.com/wp-content/uploads/3b.-Pembangunan-Kebun-Kejiranan.pdf>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2016). *Dasar Perbandaran Negara Kedua*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). Diakses daripada <http://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Portal Banci dan Stats Geoportal*. Diakses daripada <http://ecensus.mycensus.gov.my>

- Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2020). Diakses daripada [http:// www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)
- Jasni Sulong, Mohd Marbawi dan Mohd Nasir (2014). Dasar Pemberimilikan Hakmilik Tanah di Malaysia. Universiti Institut Teknologi Mara.
- Jawatankuasa Tetap Pelancongan Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna (2018). Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2016-2018.
- Jean Corbett (2010). How Do Community Gardens impact Social Conditions? Education and Innovation - Education for Global Sustainability Emphasis.
- Jeffrey Hou (2017). Urban Community Gardens as Multimodal Social Spaces. University of Washington Seattle.
- John W. Best, Emeritus, Butler University & James V. Kahn, University of Illinois at Chicago (2003). Research in Education.
- Joshua Birky (2009). The Modern Community Garden Movement in the United States: Its Roots, its Current Condition and its Prospects for the Future. University of South Florida.
- Katie DeMuro (2013). The Many Benefits of Community Gardens. Diakses daripada <https://greenleafcommunities.org/the-many-benefits-of-community-gardens>.
- Kearney, S.C. (2014). The Community Garden as a Tool for Community Empowerment: A Study of Community Gardens in Hampden County. Master Thesis. Department of Landscape Architecture and Regional Planning: University of Massachusetts Amherst.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2013). Program Pelaksanaan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia. Diakses daripada http://jkt.kpkt.gov.my/jkt/resources/PDF/Persidangan_2013/kertas_kerja_7.pdf.
- Kentish Town City Farm (2020). Diakses daripada <https://kcityfarm.org.uk/about-us/>
- Kingsley, J. Y., Townsend, M., & Wilson, C. (2009). Cultivating Health And Wellbeing: Members' Perceptions Of The Health Benefits Of A Port Melbourne Community Garden. *Leisure Studies*, 28(2), 207–219.
- Kingsley, J., & Townsend, M. (2007). Dig In' To Social Capital: Community Gardens As Mechanisms For Growing Urban Social Connectedness. *Urban Policy and Research*, 24(4), 525-537.

- Knizhnik L. Heather (2012). *The Environmental Benefits of Urban Agriculture on Unused, Impermeable and Semi-Permeable Spaces in Major Cities With a Focus on Philadelphia*. University of Pennsylvania.
- Kristine Hahn (2013). *Community Gardens Can Be Anti-Crime Agents : Positive Garden Activity Creates Safer Communities*. Michigan State University.
- Laman Web Agensi Kerajaan Singapura (2020). Diakses daripada https://www.nparks.gov.sg/portals/annualreport/nparks_sustainability_report.html
- Laman Web Rasmi Bandar London (2020). Diakses daripada <http://www.london.ca/residents/Parks/Community-Projects/Pages/London-Community-Gardens.aspx>
- Leelanayagi Ramalingam, Juwaidah Sharifuddin, Zainal Abidin Mohamed dan Fazlin Ali (2018). *Community Garden Programme: The Volunteers' Satisfaction*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Human Resource Management Academic Research Society, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, vol. 8(5), pages 436-443.
- London Community Gardens Program (2018). Diakses daripada <http://www.london.ca/residents/Parks/CommunityProjects/Documents/2018%20Community%20Gardens%20Guidelines.pdf>
- London Community Gardens Program Strategic Plan (2015-2019). Diakses daripada [london.ca/residents/Parks/Community-Projects/Documents/LCGP%20Strategic%20Plan%202015-2019%20AODA%20WEB.pdf](http://www.london.ca/residents/Parks/Community-Projects/Documents/LCGP%20Strategic%20Plan%202015-2019%20AODA%20WEB.pdf).
- Louis Cohen Loughborough University, UK & Lawrence Manion, Manchester Metropolitan University, UK (1996). *Research Methods in Education*.
- Majlis Bandaraya Petaling Jaya (2020). *Senarai Kebun Komuniti @ Kebun Kita 2016-2019*.
- Majlis Bandaraya Shah Alam (2020). Diakses daripada [http:// www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my)
- Majlis Bandaraya Shah Alam (2020). *Senarai Kebun Komuniti Shah Alam 2020*.
- Majlis Belia Malaysia (2020). *Bajet Harapan Belanjawan 2020 Untuk Belia Dalam Bidang Pertanian*. Diakses daripada <https://belia.org.my/wp/2019/10/30/bajet-harapan-belanjawan-2020-ntuk-belia-dalam-bidang-pertanian>.
- Majlis Perbandaran Subang Jaya (2020). *Senarai Kebun Komuniti MPSJ 2013-2019*.

- Malaysia Population (2020). Diakses daripada <https://www.worldometers.info/world-population/population-by-country>, 2020
- Marin Master Gardeners (2017). A Garden for Everyone: Tales of Marin's Community Gardens. Diakses daripada <http://cemarín.ucanr.edu/files/267105.pdf>.
- Mat, R. & Majid, A.A. (2015). Kepentingan Pertanian Bandar dan Cabaran yang Dihadapi oleh Petani Bandar Di Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*. 3 (1): 44–56.
- Mohd Nawī, H. (2018). Membudayakan Amalan Lestari. *Harian Metro* halaman 2–3.
- Mohd Ramzi Mohd Hussain, Norul Hafizah Yusoff, Izawati Tukiman, Mohd Armi Abu Samah (2019). Community Perception and Participation of Urban Farming Activities. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* ISSN: 2277-3878, Volume-8.
- Moleong, Lexy J. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Rosdakarya Offset, Bandung.
- Muhammad Shoaib (2015). *What Impact Do Community Gardens Have On The Development Of Social Capital And/Or Social Sustainability?*. University of Gujrat, Sociology.
- Norhasmah S, Zalilah MS & Asnarulkhadi AS (2010). Food security: concepts and definitions. *J Community Health* 16:2-9
- North Texas Daily (2014). Field of Dreams: Community garden helps people in poverty. Diakses daripada <https://www.ntdaily.com/field-of-dreams/>.
- Ober Allen, J., Alaimo, K., Elam, D., & Perry, E. (2008). Growing Vegetables And Values: Benefits Of Neighborhood-Based Community Gardens For Youth Development And Nutrition. *Journal of Hunger and Environmental Nutrition*, 3(4), 418-439.
- Okvat, H.A. & Zautra, A.J. (2011). Community Gardening: A Parsimonious Path to Individual, Community, and Environmental Resilience. *American Journal of Community Psychology*. 47 (3–4): 374–387.
- Othman Talib. (2016). *Tulis Tesis Cepat: Teknik Efektif dan Efisien*. MPWS Rich Publication.
- Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (2020). Diakses daripada <http://www.selangor.gov.my/petaling.php>

- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (2020). Diakses daripada <http://www.selangor.gov.my>
- Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 2008: Pelaksanaan Program Bumi Hijau Oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Perbendaharaan Malaysia (2018). Kebajikan Dan Kesejahteraan Rakyat. Laman Khas Belanjawan 2019. Diakses daripada <http://belanjawan2019.treasury.gov.my/index.php/my/kebijakan-dan-kesejahteraan-rakyat>. 14 January 2019.
- Porter, R., & McIlvaine-Newsad, H. (2014). Gardening in green space for environmental justice: Food security, leisure and social capital. *Leisure/Loisir*, 37(4), 1–17.
- Pushpawani Ramaloo, Choong-Yeun Liong, Chamhuri Siwar dan Anizan Isahak (2018). Persepsi Penduduk Komuniti terhadap Sokongan ke atas Pertanian Bandar di Malaysia: Kajian Kes di Bukit Mertajam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rafiqah, Mat dan Aziz Abdul Majid (2015). Kepentingan Pertanian Bandar Dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Petani Bandar Di Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*, 3(1). 44-56.
- Ramaloo, P. & Siwar, C. 2016. Status of urban and peri urban agriculture in Malaysia: Implications for developing countries. In Asian Institute of Technology (AIT): Urban and Peri-Urban Agriculture in Asia. Proceedings of Regional Consultation on ‘Strengthening Food and Nutrition Security of the Urban People through Urban and Peri-Urban Agriculture’, Bangkok, Thailand.
- Rateike, A.D. (2015). Community Gardens in Knoxville: Insight into Challenges Facing Community Garden Initiatives. University of Tennessee, Knoxville. University of Tennessee Honors Thesis Projects. Diakses daripada https://trace.tennessee.edu/utk_chanhonoproj/1895.
- Ratnawati Yuni Suryandari dan Abdullah Sumrahadi (2012). Bertani dalam bandar dan kesan-kesannya kepada komuniti tempatan dan persekitaran bandar: Kajian kes Jakarta Barat dan Tangerang, Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(3):12 – 22.

- Rezai, G., Shamsudin, M.N. & Mohamed Z. (2016). Urban agriculture: A way forward to food and nutrition security in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 216: 39-45.
- Rezai, G., Shamsudin, M.N., Mohamed, Z. & Sharifuddin, J. (2014). Factor Influencing Public Participation in Urban Agriculture in Malaysia. *International Journal of Social Science & Human Behavior Study– IJSSHBS*. 1(4): 55-58.
- Rodbell, Philip (1991). Urban Green and Cold Cash. *American Forests*; Mar/Apr91, Vol. 97 Issue 3/4, pp. 62-63.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Faculty of Economics and Administration, University of Malaya.
- Schroeder K & Smaldone A (2015). Food insecurity: A concept analysis. *Nursing Forum* 50 (4): 274- 284.
- Scott Jenkins (2018). The Case for Community Gardens. Diakses daripada <https://www.strongtowns.org/journal/2018/8/16/the-case-for-community-gardens>
- Selangor Kini Online (13 Disember 2015). RM500,000 Bangunkan Kebun Komuniti Selangor 2016. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://selangorkini.my/2015/12/rm500000-bangunkan-kebun-komuniti-selangor-2016>
- Selangor Kini Online (30 Januari 2020). MOA harap lebih ramai belia ceburi bidang pertanian. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada <https://selangorkini.my/2020/01/moa-harap-lebih-ramai-belia-ceburi-bidang-pertanian>
- Seruan Tani (2014). *Pertanian Bandar*. Seruan Tani Bil. 35.
- Siti Farhana Mesbah, Norhasmah Sulaiman, Zalilah Mohd Shariff & Zuriati Ibrahim (2018). Prevalence of food insecurity and associated factors among free-living older persons in Selangor, Malaysia. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohana Mohd Yatim, Ku Halim Ku Hamid, Kamariah Noor Ismail, Zulkifili Abdul Rashid, Nur Ain Zainuddin, Farah Ayuni Shafie & Alia Azmi (2019). *Study On Waste Generation And Composition In Rapid Residential Development Of Sub Urban Area In Kuala Selangor District, Selangor*.
- Social Farm & Garden (2020). Diakses daripada <https://www.farmgarden.org.uk/kentish-town-city-farm-london>

- Stein, M. J. (2008). Community Gardens For Health Promotion And Disease Prevention. *International Journal For Human Caring*, 12(3), 47–52.
- Swedish Garden Cottage (2012). Allotmentphotogallery.com-Swedish garden cottages 2012-2020. Diakses daripada <http://www.allotmentphotogallery.com/history.html>.
- Teig, E., Amulya, J., Bardwell, L., Buchenau, M., Marshall, J., & Litt, J. (2009). Collective Efficacy In Denver, Colorado: Strengthening Neighborhoods And Health Through Community Gardens. *Health and Place*., 15(4), 1115–1122.
- The British Medical Association Scotland. (2015). Working for change. <http://bma.org.uk/scotland>.
- The Edge Market (13 Julai 2020). Special Report: The State of the Nation: What's wrong with being a net food importer?. Diakses pada 15 Julai 2020 daripada <https://www.theedgemarkets.com/article/special-report-state-nation-whats-wrong-being-net-food-importer>
- Tornaghi. C. (2014). Critical Geography Of Urban Agriculture. *Progress In Human Geography*. 38(4), 551-567.
- Trendov, N.M. 2018. Comparative Study On The Motivations That Drive Urban Community Gardens In Central Eastern Europe. *Annals of Agrarian Science* 16(1): 85-89.
- UNDP. (1996). Urban agriculture. food, jobs and sustainable cities Publication Series for Habitat II (New York: United Nations Development Programme) UNDP.
- Utusan Online (17 Mac 2017). Pertanian Bandar Bantu Kos Sara Hidup. Diakses pada 6 Mac 2020 daripada [https://www.utusan.com.my/pertanian-bandar-bantu-kos-sara hidup](https://www.utusan.com.my/pertanian-bandar-bantu-kos-sara-hidup).
- Voicu, Loan and Been, Vicki (2008). The Effect of Community Gardens on Neighboring Property Values. *Real Estate Economics*. 2008 Vol. 36 2: pp 241-83.
- Wakefield, S., Yeudall, F., Taron, C., Reynolds, J., & Skinner, A. (2007). *Growing Urban Health: Community Gardening In South-East Toronto*. Oxford University.
- Wakefield, S., Yeudall, F., Taron, C., Reynolds, J., & Skinner, A. (2007). *Growing Urban Health: Community Gardening In South-East Toronto*. *Health Promotion International*, 22(2), 92–101.

- Williamson E. (2002). *A Deeper Ecology: Community Gardens In The Urban Environment*. University Of Delaware.
- Zaidi Tajuddin, Sarmila Md Sum, Rosmiza Mohd Zainol dan Hamzah Jusoh (2019). *Penentu Sosial Penglibatan Komuniti Dalam Projek Kebun Komuniti Bandar*. Universiti Malaya.
- Zurinah Tahir dan Jalaluddin Abdul Malek (2017). *Pemantauan percanggahan guna tanah bandar dan tanah pertanian menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.